



**PERBADANAN MUZIUM MELAKA
KOMPLEKS WARISAN MELAKA
JALAN KOTA
75000 MELAKA**

TEL : 06-2826526, 2811289 / FAKS : 06-2826745

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan seperti berikut:-

Nama Jawatan	:	<u>PENOLONG KURATOR GRED S27</u>
Kumpulan Perkhidmatan	:	Sokongan
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Perkhidmatan Sosial
Bilangan Kekosongan	:	1
Taraf Jawatan	:	Tetap
Gred dan Jadual Gaji	:	P1T1 RM 1,204.55 - P1T26 RM 3,027.10 P2T1 RM 1,274.13 - P2T26 RM 3,213.10 P3T1 RM 1,346.73 - P3T26 RM 3,405.26

Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - a) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S27: P1T1); atau

- b) Diploma dalam bidang seni lukis, seni reka, seni halus, seni bina sains, permuziuman atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S27: P1T5);

dan Lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

2. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan:

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Muzium adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Kurator Gred S27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1 di atas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

CARA MEMOHON

- a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Perjawatan yang boleh didapati secara PERCUMA daripada **Bahagian Pengurusan dan Sumber Manusia, Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), Kompleks Warisan Melaka, Jalan Kota, 75000 Melaka** pada waktu pejabat. Tarikh akhir untuk mendapatkan borang di PERZIM pada **24 Februari 2010**.
- b) Setiap permohonan jawatan hendaklah menggunakan satu Borang Perjawatan sahaja.
- c) Semua permohonan hendaklah menyertakan salinan ijazah, diploma, sijil atau dokumen berkaitan yang disahkan mengikut kelayakan yang disyaratkan.
- d) Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah melalui Ketua Jabatan dengan mengemukakan **surat pengesahan dari Ketua Jabatan, salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan terkini**.
- e) Sila catatkan nama jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat apabila mengemukakan permohonan.

Permohonan yang berikut **AKAN DITOLAK**

- i) tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan.
- ii) borang tidak diisi dengan lengkap
- iii) tidak ditulis nombor Kad Pengenalan.
- iv) tidak ditandatangani

Permohonan hendaklah sampai kepada :

**PENGURUS BESAR
PERBADANAN MUZIUM MELAKA
KOMPLEKS WARISAN MELAKA
JALAN KOTA,
75000 MELAKA.**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 26 Februari 2010

CATATAN:

- i) Hanya calon – calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- ii) Permohonan – permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- iii) Keutamaan akan diberi kepada anak kelahiran Negeri Melaka.